
Mencari Peluang Perniagaan

Jack Ma
Perdagangan Elektronik
Koleksi Ucapan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad 2018
Dunia sama rata
Internet + Produk Digital = Duit
Antologi Cerpen Indonesia-Malaysia
Trilogi Khadijah Hashim: Laila Azwa gadisku ; Cinta kedua ; Senator Adila
Mencari Azizah
Rangka tindakan ekonomi digital
e-Niaga
Asas Pembudayaan Keusahawanan (UUM Press)
Keusahawanan Islam: Bahtera Penyelamat Umat (UUM Press)
Asas Keusahawanan: Ke Arah Pengukuhan Minda dan Kemahiran Keusahawanan (UUM Press)
Mengajar Membaca
Penyertaan Komuniti dalam Keusahawanan Luar Bandar di Malaysia (UUM Press)
Annual Report
Panduan Perniagaan Dari Rumah
Usahawan cemerlang
Kerjaya sebagai pereka fesyen
Mengurus Gerai Pameran
Journal of Malaysian Studies
Masyarakat Melayu Pulau Pinang Dalam Arus Sejarah (Penerbit USM)
Cinta Tak Pernah Usai
Mencari kebahagiaan
Mencari Abadi
PSIKOLOGI DAN KOMPETENSI USAHAWAN BERJAYA DALAM PERNIAGAAN BAHARU E-DAGANG DI MALAYSIA (Penerbit UMK)
MULAKAN BISNES HARI INI
ISBN 983-52-0359-8
Kerjaya sebagai pengurus kewangan korporat
Trust No One
RANCANGAN PERNIAGAAN UNTUK KEUSAHAWANAN (Penerbit UMK)
Idea-idea Melayu tentang Pembangunan
Sun Tzu: Art of Business (2021 Edisi Bahasa Melayu)
10 Tokoh Usahawan Muslimah
Isu 14 - Lawan Sampai Kiamat!
27 Tertib Mazhab Bisnes Jepun
Bagaimana mencari peluang dalam perniagaan
Rahsia bisnes orang Cina
Mengorak langkah
66 Usahawan Malaysia

MCKENZIE BREWER

Jack Ma Penerbit UTM

Antologi Cerpen Indonesia-Malaysia ini menghimpunkan karya penulis serta menampilkan kepelbagaian tema daripada latar belakang yang pelbagai. Perjuangan, jati diri bangsa, kecintaan kepada tanah air, sejarah dan kehidupan manusiawi diangkat dan dicernakan dengan cara yang tersendiri. Setiap penulis memiliki gaya penyampaian yang berbeza untuk berkongsi pengalaman dan sudut pandangan. Semuanya ini akan menjadi perakam sejarah dan zaman. Khalayak pembaca antara kedua-dua Negara boleh mempelajari hal tentang sebuah dunia Nusantara yang dipisahkan oleh sempadan politik, tetapi bahasa dan manusianya masih tetap sama.

Perdagangan Elektronik PTS Millennia
Buku ini menerangkan langkah demi langkah membangunkan bisnes Internet dan tip menjual produk digital di Internet
Apa itu Produk Digital? Membangunkan Produk Digital Sendiri
Membina Laman Web
Kaedah Penerimaan Pembayaran
Kaedah Penghantaran Produk
Tips Promosi dan Pemasaran
Kesilapan dalam Perniagaan Produk Digital dan banyak lagi
Terdapat juga bonus tambahan yang diberikan oleh penulis yang mahu serius dalam produk digital. Jangan lepaskan peluang keemasan menjana wang dengan langkah yang mudah ini. Semoga berjaya! Klik!

Koleksi Ucapan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad 2018

PUSTAKA.MY

Kedengaran mersik dan lembut suara lelaki tua itu. Mengungkapkan sebaris kata-kata yang tertulis di depannya.

Tidak difahaminya langsung. Dan kenapa perlu dia ungkapkan? Dia diburu kekeliruan kini. Kenapa lelaki tua ini muncul di depannya? Kenapa dia perlu berada di tempat asing ini? Kali ini Aliff Iman tekad. Walaupun tahu akan mendapat tentangan daripada keluarga, dia tetap tidak akan berubah hati. Dengan kemunculan seorang lelaki tua yang mengajarnya dua kalimah syahadah dalam mimpi, telah membuatkan Aliff Iman memilih Islam sebagai agama pegangannya. Dia kini benar-benar yakin bahawa agama yang dianutnya kini lebih menenteramkan seluruh jiwanya. Rahsia perkenalannya dengan Intan Najwa, seorang gadis Melayu telah membuatkan keluarganya menuduh Aliff Iman sengaja masuk Islam semata-mata untuk berkahwin dengan gadis itu. Keluarganya langsung tidak boleh menerima hakikat yang anaknya kini telah bertukar agama. Pelbagai konflik telah berlaku antara Aliff Iman dan keluarganya di kampung sehingga dia telah diusir oleh ibunya sendiri. Dengan hati yang lara, dia telah kembali ke Kuala Lumpur tetapi sekali lagi hatinya bagai disentak kuat apabila ternampak gadis pujaan berjalan beriringan dengan lelaki yang jauh lebih bergaya daripadanya. Jiwanya yang kacau bilau itu sekali lagi diuji dengan satu ujian yang maha hebat. "Dugaan ini terlalu berat untukku hadapi.. Namun, andai itu yang tertulis kepadaku sejak azali lagi, akan kuterima dengan hati yang redha..."

Dunia sama rata PTS Publishing House Sdn. Bhd.

Home Based Business Guideline for Malaysian who want to make profit in small business from home in proper ways. Including success stories from home-based business entrepreneur. Panduan bagi individu yang ingin

menceburi perniagaan dari rumah. Disertakan kisah kejayaan usahawan yang menjalankan perniagaan dari rumah.

Internet + Produk Digital = Duit PTS Professional

Terdapat 14 ciri-ciri usahawan yang merangkumi aspek berkaitan personaliti, motivasi, kognitif dan kompetensi diri yang menjadi tunjang kepada kualiti dimiliki usahawan berbanding mereka yang lain. Bagi aspek berkaitan personaliti, terdapat tujuh ciri-ciri diri usahawan yang membezakan mereka dengan yang lain iaitu bersangkutan kreativiti, menanggung risiko, inspirasi, keinginan autonomi dan kebebasan, toleransi terhadap kekaburan, kegigihan dan ketabahan, dan optimistik.

Menyentuh berkenaan motivasi, usahawan dikatakan mempunyai keinginan untuk berjaya sangat tinggi, minat terhadap bidang perniagaan begitu mendalam dan pengaruh rangsangan luaran yang memainkan peranan penting kepada meningkatkan motivasi. Bagi ciri-ciri kognitif pula, faktor latar belakang diri dan pengalaman lepas dikatakan telah menjadi peranan penting kepada mempengaruhi bentuk pemikiran dan pembuatan keputusan usahawan. Selain psikologi, kompetensi diri iaitu kebolehan dan kemampuan usahawan melakukan sesuatu dengan lebih berjaya sepertimana kemahiran komunikasi dan kemahiran komputer. Ciri-ciri yang dimiliki tersebut telah didapati memacu kejayaan usahawan e-dagang semasa penubuhan perniagaan baharu yang berdepan dengan pelbagai cabaran yang menuntut mereka lebih konsisten dalam pembuatan keputusan dan tindakan.

Antologi Cerpen Indonesia-Malaysia

Cerdik Publications Sdn Bhd

Buku Koleksi Ucapan Perdana Menteri

YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad 2018, ini memberi gambaran kesungguhan Kerajaan Baharu melaksanakan perancangan secara bersepadu yang drastik serta menyeluruh bagi memerangi kleptokrasi, rasuah dan integriti negara diperkukuhkan apabila mengambil alih daripada pemerintahan terdahulu. Pelaksanaan perancangan ini melihat kesungguhan Kerajaan Baharu sangat komited dalam membangunkan semula negara dan meningkatkan kesejahteraan kepada rakyat

Trilogi Khadijah Hashim: Laila Azwa gadisku ; Cinta kedua ; Senator

Adila Utusan Publications

Penerbitan modul Asas Pembudayaan Keusahawanan ini adalah selaras dengan aspirasi negara untuk membangunkan modal insan berkualiti, yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan modal intelek, termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi. Penerapan nilai keusahawanan dan perubahan minda yang diperkenalkan melalui modul ini bertujuan untuk menyemai semangat berdikari dan budaya keusahawanan dalam diri graduan. Graduan akan diasuh agar berkeupayaan untuk meneroka peluang, digilap agar memiliki daya kreativiti dan inovasi yang tinggi, serta ditanam dengan kefahaman tentang aspek-aspek berkaitan seperti risiko, persaingan dan sebagainya. Melalui kemahiran keusahawanan, graduan diharap bukan sahaja mampu merebut peluang perniagaan dan perusahaan malah mampu bekerja sendiri dan seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada orang lain.

Mencari Azizah Deen Prints

Kejayaan bangsa Cina dalam bisnes sering menjadi misteri. Apakah kekuatan bangsa ini? Dari mana sumber ilmu

mereka? Ada penulis yang memanggil jaringan bisnes mereka sebagai 'The Bamboo Network'.

Rangka tindakan ekonomi digital

Penerbit UMK

10 Tokoh Usahawan Muslimah mendedahkan rahsia dan resipi kejayaan sebenar para wanita yang hebat dalam empayar perniagaan mereka. Namun, pada masa yang sama, tetap meletakkan Islam di tempat yang tertinggi. Tokoh yang diketengahkan adalah: Puan Zawati Ibrahim (Jatimas Asia Sdn. Bhd.) Puan Ramlah Hamad (AnsarComp Sdn. Bhd.) Puan Qutreen Nada (Children Islamic Centre-CIC) Chef Hanieliza (Penulis bestseller buku 1 Hari 1 Resipi) Puan Wan Khadijah (Tanjung Cindai Sdn. Bhd.) Puan Zainon Salleh (Zai's Food ZS Maju Product) Puan Famiza Zulkifli (Muslimah Skincare & Cosmetic Manufacturing Sdn. Bhd.) Dr. Norhanis (Klinik Pergigian Famili) Puan Rusni (Al-Hikmah Sdn. Bhd.) Puan Norasyikin (Sumayya Design Sdn. Bhd.) Kisah mereka yang penuh inspirasi ini digarap dengan jelas, langkah demi langkah, dan diselitkan dengan motivasi perniagaan dalam setiap bab.

e-Niaga Strategic Information and Research Development Centre
Buku Rancangan Perniagaan untuk Usahawan memberi panduan kepada para usahawan untuk MEMBINA Rancangan Perniagaan (RP) mereka secara EFEKTIF, PADAT dan TEPAT! Buku ini ditulis bukan sahaja berdasarkan pengalaman oleh dua orang pakar, tetapi dilengkapi dengan contoh-contoh bagaimana untuk membina setiap komponen RP secara berkesan. Contoh dan tip yang diberikan memudahkan pembaca memahami keperluan, tujuan dan maklumat-maklumat penting yang perlu dimasukkan dalam penulisan rancangan perniagaan. Dalam buku ini

turut terdapat jadual kos, sumber pembiayaan dan komponen sumber pembiayaan memberi maklumat yang jelas dan dapat difahami dengan mudah.

Asas Pembudayaan Keusahawanan (UUM Press) ITBM

Buku ini meninjau perkembangan dalam aspek sosial dan ekonomi masyarakat Melayu Pulau Pinang sejak awal kurun ke-19 sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua dan beberapa dekad selepasnya. Kedudukan Pulau Pinang sebagai pelabuhan perdagangan sejak diambil alih oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) daripada kesultanan Kedah pada 1786 menukar dengan cepat corak kehidupan orang Melayu di negeri ini. Mereka bukan sahaja bersaing mencari kemajuan dalam aspek ekonomi, malah terdedah kepada pembaharuan yang dibawa dari luar mahupun dari negeri-negeri Melayu sendiri. Sifat persaingan dalam sebuah kehidupan kosmopolitan ini turut membawa kemajuan dalam pendidikan, kesusasteraan dan percetakan. Di Pulau Pinang inilah lahirnya pemikir yang memanjangkan pemodenan yang turut menggunakan percetakan sebagai wadah menyampaikan transformasi kepada masyarakat Melayu. Peranan Pulau Pinang sebagai pusat perkumpulan dan perlepasan jemaah haji sejak pertengahan kurun ke-19 menjadikan dunia percetakan, khususnya buku-buku keagamaan begitu rancak di negeri itu. Seberang Perai turut menerima tempias daripada perkembangan ini. Hubungan antara kedua-duanya terjalin erat atas keperluan ekonomi, kemasyarakatan dan keagamaan meskipun ciri-ciri kehidupan masyarakat Melayu di Seberang Perai masih kuat dipengaruhi sifat kekedahan yang pernah menjadi pertuanan mereka sebelum diambil alih

oleh SHTI pada 1800. Keywords: Universiti Sains Malaysia, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Penerbit USM *Keusahawanan Islam: Bahtera Penyelamat Umat (UUM Press) UUM Press*

Buku yang berdasarkan hasil kajian ilmiah ini memaparkan perbincangan dan analisis terperinci terhadap pemahaman tentang bidang keusahawanan serta pelaksanaannya dalam konteks di kawasan luar bandar. Konsep dan idea keusahawanan luar bandar ini lahir daripada keperluan tentang pentingnya memperkembangkan bidang keusahawanan dalam kalangan penduduk luar bandar. Dalam dekad ini, bidang keusahawanan sememangnya diakui sebagai pemangkin utama dalam meningkatkan tahap dan pembangunan ekonomi.

Asas Keusahawanan: Ke Arah Pengukuhan Minda dan Kemahiran Keusahawanan (UUM Press) Penerbit USM

Keusahawanan merupakan asas kepada pembangunan ekonomi masyarakat dan negara. Kepentingan bidang keusahawanan merangkumi pelbagai faedah sosial dan ekonomi kepada individu, masyarakat dan negara. Bidang keusahawanan telah membantu penjana peluang pekerjaan dan penghasilan pelbagai produk menerusi inovasi dan kreativiti usahawan. Impak yang diberikan ini telah meletakkan bidang keusahawanan sebagai teras dalam agenda negara menerusi Model Ekonomi Baharu dalam mentransformasikan pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Pembangunan keusahawanan bermula dengan pembentukan budaya keusahawanan di peringkat awal sehinggalah ke peringkat pengajian

tinggi. Berdasarkan kepada Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015- 2025, pihak Kementerian Pendidikan telah memberi penekanan kepada usaha membangunkan graduan holistik, seimbang serta bercirikan keusahawanan. Sehubungan itu, modul ini telah direka bentuk dengan mengambil kira Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) 8 iaitu kemahiran mengurus dan keusahawanan. Kemahiran Keusahawanan di bawah domain ini merangkumi pembangunan minda keusahawanan dan kemahiran keusahawanan. Minda keusahawanan merujuk kepada pemikiran yang mempengaruhi perlakuan pelajar ke arah hasil dan aktiviti keusahawanan, di mana pelajar yang berminda keusahawanan akan mempunyai kecenderungan ke arah inovasi, peluang dan hasil reka cipta baharu. Sementara itu, kemahiran keusahawanan pula meliputi sub-atribut seperti pengalaman keusahawanan, pengenalan peluang keusahawanan, toleransi risiko, lokus kawalan dalaman, pencapaian dan ketabahan, serta pengurusan kewangan. Modul ini bukan sahaja sesuai diguna dan dimanfaatkan oleh pelajar dalam jurusan perniagaan dan keusahawanan, malah turut sesuai bagi pelajar dalam lain-lain bidang bagi menjana budaya dan kemahiran keusahawanan. Dengan liputan yang komprehensif dalam pelbagai aspek keusahawanan, modul ini turut sesuai dijadikan rujukan oleh para usahawan terutamanya yang baru mula menceburi perniagaan.

Mengajar Membaca Utusan Publications Buku ini memuatkan 66 kisah kejayaan usahawan terkemuka di Malaysia. Cerita-cerita yang dipaparkan dapat memotivasikan usahawan dalam menghadapi cabaran dunia perniagaan.

Penyertaan Komuniti dalam Keusahawanan Luar Bandar di Malaysia (UUM Press) Jabatan Penerangan Bahagian 1; Sejarah dan pengenalan -- Bahagian 2; Kelayakan dan institusi berkaitan -- Bahagian 3; Peluang kerjaya -- Bahagian 4; Bidang tugas -- Bahagian 5; Organisasi berkaitan -- Bahagian 6; Maklumat tambahan -- Bahagian 7; Penutup.

Annual Report PTS Professional Dato Zulkifli Abdul Malek penerima Darjah Order of The Rising Sun daripada Maharaja Jepun berkongsi pengalaman mengenai pengurusan Bisnes Gaya Jepun. Menariknya pendiri bisnes di negara Jepun dapat menjadikan bisnes mereka bertahan lama dan merupakan negara yang paling banyak mempunyai syarikat lebih 100 tahun di dunia. Pasti mereka ada rahsia dan cara tersendiri dalam menguruskan bisnes mereka. Pengarang buku ini yang telah terlibat lebih daripada 30 tahun bersama para pemilik bisnes di Jepun telah mengenalpasti 27 ciri dan budaya utama komuniti pendiri bisnes di Jepun. Buku ini bukan sekadar teori tetapi berdasarkan pengalaman dan cerita sebenar oleh seorang yang terlibat secara langsung dengan lebih daripada 10 syarikat multinasional Jepun di peringkat antarabangsa dan tempatan. Kelebihan buku ini juga dilampiran QR Code ke pautan video berkaitan dan koleksi rakaman temubual pengarang di media massa. Video Siri Program Urus bisnes gaya Jepun dan program Kengaku (lawatan belajar ke kilang antarabangsa di Jepun) turut dimuatkan.

Panduan Perniagaan Dari Rumah Iqra Advance Solution

"Buku ini - yang asalnya diterbitkan pada 1988, dan baru kini muncul dalam bahasa Melayu - sewajarnya diiktiraf sebagai sebuah klasik. Ia merupakan

satu kajian perintis sejarah idea dalam konteks masyarakat Melayu - satu pengamatan pemikiran Melayu tentang 'pembangunan', meliputi zaman sebelum penjajahan sehingga era negara moden pasca merdeka.

"Meskipun berjudul sederhana, Idea-idea Melayu tentang Pembangunan berwawasan tinggi dalam jangkauan, bermula dengan satu analisis tulisan-tulisan dari kesultanan (atau kerajaan) yang akhirnya jatuh kepada kekuasaan British dan Belanda pada abad ke-19, dan berakhir dengan pemikiran politik perdana menteri-filsuf, Mahathir Mohamad." Anthony Milner Profesor Basham dalam Sejarah Asia, Universiti Nasional Australia "... jika kita kaji idea-idea pembangunan itu sendiri seperti dianjurkan oleh berbagai kumpulan, kita akan melihat betapa mereka dipengaruhi oleh keadaan-keadaan sejarah dan konteks tertentu. Dengan memahami kenyataan ini, dapatlah kita lebih berhati-hati dalam memilih, menyaring dan menilai idea-idea, mana yang berguna untuk membangunkan masyarakat Melayu dan mana pula yang sebenarnya menghalang atau menggelincirkannya dari landasan."

Shaharuddin Maaruf

Usahawan cemerlang PTS Media Group Sdn Bhd

Sun Tzu dikenali sebagai Tokoh Ketenteraan Ulung lahir semasa era musim bunga dan musim luruh yang bergolak. Menyahut cabaran zamannya, beliau mengabdikan diri berlawan dalam pertempuran sengit, memerah keringat dan darah, beradu kebijaksanaan dan kekuatan menentang musuh. Sun Tzu Art of Business mengetengahkan kajian kes yang boleh diguna pakai dalam strategi bisnes dan mendemonstrasi cara usahawan dan ahli perniagaan menggunakan prinsip Art of War dalam

mengharungi dunia yang pantas berubah dan berdaya saing. Bagi mencapai kejayaan, usahawan mesti kenal diri sendiri dengan memahami syarikat dan situasi di sekeliling. Usahawan juga mesti kenal orang lain, yang merujuk kepada mengetahui perubahan pasaran, psikologi pelanggan, dan pesaing. Dengan menggunakan seni yang ringkas dan memasukkan unsur humor bagi menerangkan aplikasi seni perang Sun Tzu dalam dunia bisnes, Wang Xuaming menjadikan prinsip ketenteraan amat praktikal untuk semua usahawan dan ahli korporat.

Kerjaya sebagai pereka fesyen Alaf 21

Merah padam muka Dayana bila dia dimalukan oleh seorang pemuda di khalayak. Terbantut hasratnya untuk memasarkan kerepek buatannya di Pasar Mini Akif. Namun hatinya sejuk semula lalu pasar mini itu dikunjungi sekali lagi. Alangkah terkejutnya dia, pemuda yang memalukannya tempoh hari adalah pengurus pasar mini itu. Apa lagi, amarah datang berapi lalu melampiaskan ke arah pemuda tersebut. Ah, Akif hanya senyum sahaja. Entah kenapa ada keistimewaan pada gadis itu. Dia mula suka pada Dayana. Akif baik. Dayana pula tergoda. Tapi, bagaimana dengan Ikhwan? Mereka sudah berkawan sejak kecil. Dia buntu bila Ikhwan datang melamar. Malangnya, ibu Ikhwan tidak sukakannya. Dia hanyalah pembuat kerepek berkelulusan SPM! Akif dan Dayana ditunangkan. Belum sempat bernikah, Akif tiba-tiba menghilang. Puas dicari, Akif tidak ditemui. Ke mana dia menghilang? Dayana terus menanti. Ikhwan yang masih mengharap, kembali menagih cinta. Yana sayang, aku telah memilihmu

menjadi pendamping hidupku kerana kaulah cinta pertama dan terakhirku. Akan kujagamu dengan cintaku kerana dirimu separuh jiwaku. Percayalah sayang, tidak ada yang akan memisahkan kita, kecuali TUHAN. – Akif Mengurus Gerai Pameran PTS Professional

Aspek keusahawanan merupakan salah satu komponen dalam muamalat Islam yang wajib dilaksanakan oleh segolongan umat Islam. Di sepanjang perjalanan mencari kemakmuran, ajaran dan peringatan yang terdapat di dalam al-Quran dan al-hadis perlu dijadikan kompas kehidupan. Setiap pendekatan, strategi dan tindakan yang diambil dalam usaha untuk membangunkan kesejahteraan hendaklah dilihat dari kaca mata dan acuan Islam. Mereka perlu memenuhi tuntutan hubungan ketuhanan secara menegak dan pada masa yang sama memenuhi tuntutan hubungan sesama manusia dan makhluk-makhluk lain secara mendatar. Tanggungjawab ini perlu dipikul oleh individu yang sentiasa berusaha secara kreatif dan inovatif untuk mengeksploit, memanfaatkan dan terus memberi nilai tambah terhadap segala sumber yang telah dikurniakan-Nya. Mereka pasti kejayaan yang diperoleh di dunia dijadikan modal yang bakal mendatangkan pulangan yang lebih bernilai di akhirat. Dalam penulisan ini individu yang memperoleh kejayaan sedemikian diistilahkan sebagai usahawan Muslim. Oleh itu, menjadi tanggungjawab usahawan Muslim untuk membantu mengeluarkan mereka daripada kongkongan kejahilan, kemiskinan, kemunduran, terpinggir, ditindas dan diperkotak-katikkan di negara sendiri yang kaya dengan sumber manusia dan sumber alam.